

Malaysia destinasi ICT

Oleh ZULKIFLEE BAKAR
dan FAUZI JAAFAR

(Yang membuat liputan Kongres
Sedunia Mengenai Teknologi Maklumat
di Austin, Texas)

KONGRES Sedunia Mengenai
Teknologi Maklumat (WCIT) telah pun
bermula di Austin, Texas.

Apa yang menarik, jumlah delegasi
yang datang dari 80 buah negara di-
katakan paling ramai berbanding kong-
res sebelumnya.

Bagi Malaysia, penyertaan kali ini
bukanlah sekadar menyertai, memper-
kenalkan diri dan kemudiannya pulang
tetapi ia lebih daripada itu, apatah lagi
Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi
WCIT 2008.

Justeru, Austin dikatakan menjadi
gelanggang terbaik kepada Multimedia
Development Corporation Sdn. Bhd.
(MDEC) untuk mempromosikan ne-
gara kita sebagai salah satu destinasi
teknologi komunikasi dan maklumat
(ICT).

Sebab itulah dalam pertemuan de-
ngan *Utusan Malaysia*, Ketua Pegawai
Eksekutif MDEC, Badlishah Ghazali
berkata, WCIT kali ini amat penting
kerana ia mengumpulkan lebih banyak
negara yang bukan hanya berminat
dalam dunia ICT tetapi juga cuba men-
cari rakan kongsi perniagaan yang ba-
ru.

Berikutan peluang yang terbuka luas
ini dan atas pertimbangan betapa
pentingnya WCIT 2006 Malaysia turut
menghantar delegasi yang dilihat cukup
besar iaitu mencecah hampir 300
orang.

Mereka ini bukan sekadar menjadi
pemerhati, apatah lagi pelancong tetapi
mereka mewakili syarikat IT tempatan,
syarikat milik kerajaan (GLC) dan
institusi pengajian tinggi (IPT).

Peranan utama mereka ialah untuk
merealisasikan matlamat menjadi ne-
gara sebagai Gerbang ICT Asia Pasifik
dengan mewujudkan perkongsian per-
niagaan strategik bagi menarik pelaburan.

Apa yang menarik, 'perjuangan' me-
reka akan diketuai sendiri oleh Perdana
Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad
Badawi yang dijangka tiba di Austin
pada Rabu ini.

Ia sekali gus menunjukkan betapa
Malaysia amat serius mempromosikan
negara sebagai hab ICT dunia menerusi
Koridor Raya Multimedia Malaysia
(MSC).



JAMALUDIN JARJIS

"WCIT 2006 adalah landasan yang
tepat bagi memasarkan jaringan pen-
jenamaan MSC Malaysia sebagai agensi
ICT berpotensi dan hab pelaburan ke-
pada pelanggan berpotensi, pelabur, ahli
perniagaan dan kerajaan asing," kata
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi,
Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis.

Kehadiran Abdullah yang akan diberi
penghormatan untuk mencapai ucap-
tama dan menerima surat pentauliah
Malaysia sebagai tuan rumah WCIT
2008 dianggap sebagai kemuncak ke-
pada penyertaan Malaysia dalam WCIT
2006.

Ini bermakna, delegasi negara lain
bukan sahaja akan berpeluang untuk
mengenal Malaysia melalui pameran
oleh 13 syarikat yang telah menembusi
pasaran global tetapi juga mendengar
sendiri 'suara' pemimpin Malaysia me-
ngenai kemampuan negara menjadi
destinasi ICT utama dunia.

Antara syarikat Malaysia yang akan
menyertai pameran WCIT tersebut ia-
lah Green Packet Berhad, IRIS Cor-
poration Berhad, Software Consortium
of Penang, CWorks Systems Berhad,
Jaala Malaysia Sdn. Bhd. dan SNT
Global Sdn. Bhd.

Hakikatnya, Malaysia seperti mana
kata Badlishah bukanlah ketinggalan

**WCIT 2006 adalah landasan yang
tepat bagi memasarkan jaringan
penjenamaan MSC Malaysia
sebagai agensi ICT berpotensi dan
hab pelaburan kepada pelanggan
berpotensi, pelabur, ahli
perniagaan dan kerajaan asing**

um - 2/5/2006

dari segi kemampuan melahirkan ciptaan
ICT baru yang berkualiti tetapi ia
hanya disebabkan kurangnya promosi
yang agresif terhadap ciptaan itu.

Tambahan pula, pemasaran terhadap
ciptaan teknologi baru bukanlah ber-
gantung kepada nama negara tetapi ia
lebih kepada kesedaran orang lain ter-
hadap kegunaan atau keunikan tek-
nologi itu sendiri.

Sebab itulah Badlishah menekankan
bahawa sesebuah syarikat yang ingin
membeli teknologi baru itu tidak akan
mementingkan dari mana ia dicipta
tetapi ia lebih kepada sejauh manakah
teknologi itu sesuai dengan kepenting-
an syarikat mereka.

Mungkin dari satu segi, syarikat-syarikat
tempatan yang menyertai WCIT
2006 tidak akan begitu mendapat
perhatian negara maju tetapi pasaran
dunia masih luas. Delegasi Malaysia
juga memberi tumpuan kepada ne-
gara-negara sedang membangun sepe-
rti dari Eropah Timur, Amerika Selatan,
Asia Barat, Afrika dan Asia.

Kesempatan itu terbuka luas meman-
dangkan negara berkenaan tidak akan
menggunakan pengalaman atau tek-
nologi baru dari negara-negara maju
kerana ia tidak sesuai dengan taraf
pembangunan sosioekonomi mereka.

Justeru, peluang keemasan di Austin
tidak harus disia-siakan oleh delegasi
Malaysia.

Sepanjang lima hari kongres itu
berlangsung, mereka harus memerah
otak mengatur strategi, meluahkan ka-
ta-kata bagi memperkenalkan Malaysia
dan berjabat salam untuk menjalin
kerjasama sebanyak mungkin dengan
syarikat-syarikat IT terkemuka.

Semua ini harus dilakukan kerana
misi Malaysia di WCIT 2006 amat
penting memandangkan kita mempun-
yai matlamat dan misi jangka panjang
dalam dunia tanpa sempadan seka-
rang.

Bagaimanapun jika melihat kepada

semangat delegasi yang menyertai tak-
limat mengenai kongres itu di Cyber-
jaya 19 April lalu, kita yakin penyertaan
yang sebegitu ramai dari Malaysia tidak
akan sia-sia.

Ini kerana kesemua mereka tidak kira
mewakili apa juga organisasi atau syar-
ikat, mereka bertanggungjawab untuk
melaksanakan tiga misi utama Malaysia
di WCIT 2006 iaitu mengubah dan
mengukuhkan tanggapan global men-
genai Malaysia dan MSC Malaysia,
mendapatkan peluang projek baru un-
tuk MSC Malaysia dan firma Malaysia
manakala misi terakhir, mempromosikan
WCIT 2008 sebagai acara yang
wajib dihadiri.

Selain menumpukan perhatian ke-
pada ICT, delegasi Malaysia juga mem-
punyai tanggungjawab sampingan un-
tuk mempromosikan Malaysia sebagai
destinasi pelancongan.

Dengan kehadiran peserta daripada
80 buah negara WCIT 2006 adalah
platform terbaik untuk kita mem-
perkenalkan negara.

Jika ini berjaya dilakukan Malaysia
bukan sahaja akan dikenali sebagai
sebuah negara yang sedang mengalami
perkembangan pesat dalam ICT tetapi
juga antara destinasi pelancongan yang
menarik.

Apa pun dengan kehadiran Perdana
Menteri ia sudah cukup memberi kesan
kepada kehadiran Malaysia di WCIT
2006. Ini kerana selain mengadakan
pertemuan dengan Gabenor Texas,
Rick Perry, Abdullah juga akan mene-
mui beberapa tokoh ICT dan ketua
negara untuk mendengar sendiri per-
kembangan terkini dalam bidang terse-
but dan mengadakan kerjasama dengan
beberapa syarikat ICT dunia.

Semoga hasil kegigihan Abdullah dan
delegasi Malaysia di WCIT 2006, cuaca
dingin yang 'membaluti' kota Austin
akan menjadi 'panas' apabila kongres
yang sama diadakan di Malaysia pada
2008.

JAMALUDIN JARJIS
Menteri Sains,
Teknologi dan Inovasi